

MASALAH PENTERJEMAHAN KOLOKASI ARAB DALAM KALILAH WA DIMNAH *PROBLEM IN TRANSLATING ARABIC COLLOCATIONS IN KALILA WA DIMNA*

Norsyazwan binti Muhammad Alhadi^{1*}, Syed Nurulakla bin Syed Abdullah² & Muhd Zulkifli bin Ismail³

¹ Pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM (wanalhadi@yahoo.com)

² Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM (syedakla@upm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, (zulismail@upm.edu.my)

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Kolokasi merupakan fenomena linguistik yang menarik dalam bahasa dan terjemahan. Kewujudan kolokasi ini ternyata berlaku dalam setiap bahasa. Namun, bahasa berbeza memiliki kolokasi yang berbeza. Oleh sebab itu, penterjemah gagal dalam menterjemah kolokasi kerana tidak dapat mengenal pasti bentuk unit leksikal yang berkombinasi dalam teks dan ini membawa kepada masalah dalam terjemahan. Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti masalah terjemahan kolokasi Arab dalam teks *Kalilah Wa Dimnah* melalui struktur kolokasi yang dicadangkan oleh Ghazala (2004) dan masalah terjemahan kolokasi yang berlaku berdasarkan teori Baker (1992). Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian kualitatif melalui penerapan kajian kes dan analisis tekstual. Sebanyak empat sampel dianalisis untuk mencapai objektif kajian. Dapatan kajian mendapati sememangnya wujud masalah penterjemahan kolokasi Arab dalam teks terjemahan *Kalilah Wa Dimnah*. Antara masalah yang ditemukan ialah penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber, ketegangan antara ketepatan, kesejadian dan kolokasi khusus budaya.

Kata kunci

Kolokasi, Struktur bahasa, Masalah terjemahan, Teks sastera, *Kalilah Wa Dimnah*.

Abstract

Collocations are a fascinating linguistic phenomenon in language and in translation. Collocation can be found in any language. However, different languages have different collocations. Therefore, the translator fails to translate collocation because he/she does not identify a combination of a number of lexical items in texts and these factors lead to problem in translating. The purpose of this analysis is to identify the problem of Arabic collocation in the translation of Kalilah Wa Dimnah through the structural pattern of collocation according to Ghazala (2004) and the problem in translating collocation according to Baker's (1992) theory. This study applies the qualitative research approach by applying the case study and textual analysis research design. A total of four samples were chosen and analysed to realise the objectives of the research. The findings show that there is indeed a problem in the translation of Arabic collocation in Kalilah Wa

Dimnah into the text target. Some problems that were found such as engrossing effect of source patterns and tension between accuracy and naturalness and culture-specific collocation.

Keywords

Collocation, Structure of language, Problem in Translating, Literary Texts, Kalilah Wa Dimnah.

1.0 Pengenalan

Bidang penterjemahan dilihat sebagai jalan utama perluasan ilmu pengetahuan yang melangkaui sempadan bahasa, budaya, geografi dan masa. Penterjemahan merupakan disiplin ilmu dan suatu aktiviti pengalihan daripada satu bahasa ke satu bahasa lain. Bidang ini juga mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan ahli linguistik sehingga wujud pelbagai definisi terjemahan yang telah dibina. Penyebaran ilmu dan pemindahan teknologi yang begitu penting pada masa kini menyebabkan pakar-pakar daripada bidang agama, falsafah dan sastera turut serta menjadikan aktiviti penterjemahan sebagai wadah mengembangkan ilmu. Malah, salah satu cara untuk manusia berkomunikasi menyampaikan maklumat antara satu sama lain adalah melalui penterjemahan (Noraziah 2014; Muhammad Hafiz 2012; Minsung 2016; Qassem 2014).

Walau bagaimanapun, keberkesanan terjemahan itu bergantung pada kemampuan penterjemah dalam menyampaikan maklumat yang tepat daripada bahasa sumber. Penterjemahan bukan semata-mata melakukan pengalihan bahasa tetapi penyalinan semula mesej juga diutamakan dalam aktiviti penterjemahan (Ean & Seong, 2013). Seiringan dengan itu, jika sesuatu hasil penterjemahan dikritik dan dipersoalkan keberkesanannya, salah satu faktornya ialah kelemahan penterjemah terhadap identifikasi bentuk kolokasi dalam teks (Kusumawardhani & Puspitorini, 2016).

Pengenalan kolokasi merupakan sebahagian elemen yang penting dalam proses penterjemahan dan suatu fenomena linguistik yang sangat menarik dalam bahasa. Kolokasi juga menggambarkan stilistik dan budaya yang terdapat pada sebuah teks. Oleh sebab itu, kolokasi amat penting diberi penekanan apabila diterjemahkan kerana pendekatan yang digunakan oleh penterjemah berbeza dengan terjemahan bagi leksikal tunggal (Al-Sughair, 2007). Namun, secara praktikalnya, menterjemah kolokasi bukanlah suatu perkara yang mudah terutamanya bagi penterjemah yang kurang berpengalaman dalam mengenal pasti perkataan yang berkolokasi. Salah satu masalah yang dihadapi ialah apabila bahasa sasaran tidak memiliki kesepadanan kolokasi dalam bahasa sumber (Alwazna, 2018). Menurut Firth (1957) yang merupakan antara sarjana Inggeris yang mempelopori kajian kolokasi, kolokasi ialah makna abstrak dalam pendekatan sintagmatik dan bukan secara langsung dengan pendekatan konseptual. Penjelasan yang dikemukakan oleh Firth terhadap kolokasi menjadikan beliau terkenal dengan istilah "*meaning by collocation*" atau dikenali juga sebagai "*modes of meaning*" (Kamalie, 2013).

2.0 Kalilah Wa Dimnah

Karya teks *Kalilah Wa Dimnah* ialah sebuah warisan asli milik empayar India yang sarat dengan inspirasi dan teladan kemanusiaan. Karya agung Sanskrit ini telah ditulis pada TM 300 dengan nama Panchatantra (Siti Hadijah, 2017) oleh Baidaba, iaitu seorang ahli falsafah India. *Kalilah Wa Dimnah* telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa utama dunia (Puriyadi, 2010). Kemudian, karya ini telah diterjemahkan oleh Ibn al-Muqaffa' ke dalam bahasa Arab melalui bahasa Parsi dan terjemahan Arab itu diberi nama *Kalilah Wa Dimnah*. Malah, terjemahan bahasa Arab inilah yang kemudiannya mendominasi dunia kesusasteraan berabad-abad lamanya dan tersebar luas sehingga kini termasuk di Eropah dan Nusantara.

3.0 Definisi Kolokasi

Kamus *Collins English Dictionary* (Hanks, 1979) menjelaskan kata kolokasi berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *collocation* yang diambil daripada kata kerja *collocate*. Kata kerja ini sebenarnya menggunakan kata daripada bahasa Latin *collocāre* yang merujuk dua kata, iaitu *col* (together) dan *locāre* (to place). Pelbagai istilah telah dijelaskan oleh sarjana linguistik barat mengenai konsep kolokasi, iaitu menurut Su'ad Awab (1999) dalam Saifullah (2013) dikenali sebagai: *composite elements, idioms, gambit, multi-word lexemes, lexical phrases, fixed expressions, set phrases and compounds, recurrent word combination* dan *multi-word units*. Sama halnya berlaku dalam bahasa Arab, terdapat pelbagai istilah berkenaan dengan kolokasi seperti التلازم

اللفظي، المصاحبة اللغوية، الإقتران اللفظي أو الدلالي، الرصف، التضام (Ibrahim & Ibrahim, 2018).

Umumnya, kolokasi merupakan kombinasi dua atau lebih unit leksikal dalam bahasa. Fenomena unik ini diklasifikasikan oleh sarjana linguistik barat Banson, Banson, dan Ilson, 1990 kepada dua kategori utama: *lexical collocation* (kolokasi leksikal) dan *grammatical collocation* (kolokasi tatabahasa). Kolokasi leksikal ialah kombinasi asli antara perkataan. Manakala, kolokasi tatabahasa bercirikan bentuk iringan preposisi yang menggabungkan preposisi tersebut bersama-sama dengan kata nama, kata kerja atau adjektif. Tambahan pula, kata yang berkolokasi mempunyai hubungan makna antara satu sama lain apabila dilafazkan (Ghazala, 2004) dan mestilah serasi maknanya (Abdullah & Ainon, 2008) selain makna yang didukung oleh tiap-tiap perkataan itu hanya dapat berkombinasi dengan perkataan tertentu sahaja.

Sebagai contoh, Larson (1998) menjelaskan beberapa keadaan yang berlaku apabila kata kolokasi tidak diletakkan pada tempat yang sewajarnya. Dalam bahasa Inggeris penggunaan *heavy rain* sememangnya berkolokasi bersama yang menggambarkan hujan yang sangat lebat. Namun, apabila digunakan iringan leksikal *strong rain* atau *big rain* akan mendatangkan suatu kejanggalan walaupun ia betul dari sudut tatabahasa. Juga, setiap kata yang berkolokasi akan berbeza dalam satu bahasa dengan satu bahasa lain.

4.0 Struktur Kolokasi Ghazala (2004)

Ghazala (2004) memperkenalkan kolokasi sebagai istilah *talāzum* dan membuat pembahagian struktur kolokasi yang lebih lengkap berbanding dengan ahli linguistik lain. Beliau membahagikan tiga garis panduan struktur kolokasi yang utama; iaitu التركيب القواعدي (*struktur tatabahasa*), التركيب اللفظي (*struktur leksikal*) dan التركيب الأسلوبي (*struktur stilistik*). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menfokuskan struktur tatabahasa sahaja. Berikut ialah struktur kolokasi merujuk tatabahasa:

1. Kolokasi KN + KA
2. Kolokasi KN + KN (*al-idāfaʿ*)
3. Kolokasi KN + KSN (*'ataf*) + KN
4. Kolokasi KA + KA
5. Kolokasi KK + KN (*makna jelas*)
6. Kolokasi KK + KN (*makna metafora*)
7. Kolokasi KK + Infinitif
8. Kolokasi KK + Ket
9. Kolokasi KK + KSN (*jar*) + KN
10. Kolokasi KK + KH
11. Kolokasi KK + KK
12. Kolokasi Adverb
13. KSN (*jar*) + KN + KN
14. Kolokasi partikel *la*
15. Kolokasi KN + KK
16. Kolokasi KN + KSN (*jar*) + KN
17. Kolokasi seakan KK
18. Kolokasi arbitrari 'sumpah'
19. Kolokasi arbitrari 'celaan'
20. Kolokasi arbitrari 'pujian'

5.0 Masalah Penterjemahan Kolokasi

Menurut beberapa pakar linguistik, seseorang yang berkomunikasi pada satu bahasa tertentu tidak akan serupa dengan komunikasi yang dituturkan oleh penutur asli. Begitu juga dalam hasil penterjemahan, tidak akan wujud kesamaan antara bahasa sasaran dengan bahasa sumber (Kusumawardhani & Puspitorini, 2016). Oleh sebab itu, terdapat beberapa masalah berlaku apabila proses penterjemahan dilaksanakan daripada satu bahasa ke satu bahasa lain terutamanya apabila melibatkan kombinasi perkataan yang dikenali sebagai kolokasi.

Kepelbagaian jenis kolokasi antara dua bahasa yang berlainan telah mencipta jurang perbezaan. Dalam hal ini, ia membawa kepada kesukaran dan masalah dalam terjemahan. Menurut Baker (1992), sesetengah masalah lebih sukar untuk diatasi dan ini kerap berlaku dalam teks sastera. Tambahan, Baker juga merumuskan bahawa penterjemahan kolokasi boleh membawa kepada beberapa masalah yang berikut:

1. Penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber
2. Tafsiran yang salah terhadap makna bahasa sumber
3. Ketegangan antara ketepatan dengan kesejadian

4. Kolokasi khusus budaya

5.1 Penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber (*The engrossing effect of source pattern*)

Baker (1992) menjelaskan selagi mana terjemahan kolokasi dalam bahasa sasaran disampaikan menggunakan makna yang sama dengan bahasa sumber, selagi itulah perbezaan bentuk kolokasi akan menjadi mudah untuk dikenal pasti. Malah, keadaan ini tidak akan mendatangkan masalah terhadap penterjemah. Walau bagaimanapun, setiap bahasa memiliki aturan dan budaya yang khusus dalam menyampaikan maksud sesuatu perkataan. Kekeliruan antara dua bahasa akan mendatangkan terjemahan yang sangat ganjil. Namun, kesulitan terhadap bentuk kolokasi dapat diatasi jika penterjemah peka dengan potensi bagi setiap unit leksikal yang berkolokasi dalam bahasa sumber. Hal ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Arab
<i>Deliver a letter</i>	<i>Yusallim risālah</i>
<i>Deliver news</i>	<i>Yusallim akhbāran (salah)</i>
	<i>Yanqulu akhbāran (betul)</i>

Penggunaan bahasa Inggeris bagi perkataan *deliver*, jika diterjemahkan ke dalam bahasa Arab adalah *yusallim*. Namun, tidak semua penggunaan *deliver* bersesuaian dengan penggunaan *yusallim* dalam bahasa Arab. Malah, menjadi kesalahan jika penterjemah meletakkan iringan kolokasi yang tidak tepat dalam bahasa sasaran.

5.2 Tafsiran yang salah terhadap makna bahasa sumber (*Misinterpreting the meaning of source language*)

Menurut Baker (1992), tafsiran yang salah berkenaan dengan kolokasi boleh berlaku jika penterjemah berasa terganggu atau terpengaruh dengan penggunaan daripada bahasa sasaran. Hal ini berlaku demikian apabila kolokasi bahasa sumber yang ingin diterjemahkan kelihatan memiliki ciri-ciri kesamaan yang digunakan dalam bahasa sasaran. Hal ini dicerminkan oleh contoh yang berikut:

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<i>Fi hājah ilā</i>	Memerlukan kepada

Pemadanan kata sendi Arab *ilā* dengan kata sendi 'kepada' dalam terjemahan bahasa Melayu boleh dianggap sebagai terjemahan harfiah, iaitu gangguan dari sudut tatabahasa Arab dalam bahasa Melayu. Kata kerja 'memerlukan' ialah kata kerja transitif yang tidak memerlukan kata bantu untuk mencapai objeknya.

5.3 Ketegangan antara ketepatan dengan kesejadian (*The tension between accuracy and naturalness*)

Baker (1992) menghuraikan penterjemah sudah semestinya perlu menjaga makna dalam bahasa sumber ketika menghasilkan terjemahan kolokasi. Walau bagaimanapun, secara praktikalnya sepanjang proses terjemahan dilakukan, kerap berlaku ketegangan antara pemilihan perkataan yang tepat dengan yang sejadi. Perkara yang menjadi masalah ialah apabila kebolehterimaan kata kolokasi yang paling hampir dalam bahasa sasaran kerap menimbulkan beberapa perubahan makna. Perubahan makna tersebut bergantung pada isu yang difokuskan dalam konteks ayat. Perhatikan contoh yang berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Arab
<i>Hard drink</i> <i>Soft drink</i>	<i>Masyrūbāt al-kuhūliyyaṭ</i> (minuman beralkohol)

Berdasarkan contoh di atas, kolokasi *hard drink* dan *soft drink* mewakili maksud yang sama dalam bahasa Arab, iaitu *Masyrūbāt al-kuhūliyyaṭ* (minuman beralkohol). *Hard drink* dan *soft drink* dalam bahasa Inggeris merujuk istilah minuman keras yang berbeza jenis, tetapi, dalam penggunaan bahasa Arab pula, minuman keras mewakili kesemua jenis yang dimaksudkan dalam *hard drink* dan *soft drink*, iaitu *beer*, *lager*, *sherry*, *whisky* dan sebagainya. Baker menjelaskan, penterjemah disarankan untuk membuat pemilihan sama ada menentukan penggunaan kata kolokasi yang bersesuaian dalam bahasa sasaran atau mencuba untuk menghuraikan makna penuh bagi kata kolokasi tersebut. Namun begitu, penterjemah tetap juga merujuk konteks ayat yang dimaksudkan kerana ketepatan bukanlah satu matlamat utama dalam terjemahan. Biar pun ketepatan penting pada beberapa keadaan, ia dikira cukup memadai selagi bentuk kolokasi dalam bahasa sasaran bersesuaian digunakan.

5.4 Kolokasi khusus budaya (*Culture-specific collocation*)

Menurut Baker (1992), budaya merupakan cara hidup seseorang terutamanya yang melibatkan perilaku, kebiasaan dan kepercayaan mereka. Begitu juga setiap bahasa memiliki budaya dan setiap budaya adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini tidak terkecuali dengan kolokasi kerana kata yang beriringan tersebut menggambarkan budaya. Tatkala bahasa sumber mengandungi kolokasi, tidak semestinya terjemahan yang terhasil boleh diterima oleh pembaca sasaran. Oleh itu, penterjemah harus berusaha mencari makna yang berkemungkinan sesuai dengan kata kolokasi bahasa sumber. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh yang berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>Good night</i>	Selamat malam

Berdasarkan contoh di atas, kolokasi yang melibatkan budaya boleh berlaku dalam teks. Sebagai contoh, kata sapaan atau *greeting* dalam penggunaan bahasa Inggeris, iaitu *good night* lazimnya diucapkan apabila seseorang hendak masuk tidur atau berpisah. Walhal, keadaan ini berbeza jika digunakan dalam bahasa Melayu kerana penggunaan selamat malam diucapkan apabila bertemu seseorang pada waktu malam berbanding *good evening* yang digunakan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, kolokasi bahasa sasaran yang diterjemahkan sama konsep dengan bahasa sumber

akan membawa kepada kesalahan mesej kerana kedua-duanya mempunyai budaya yang berbeza dalam menuturkan sesuatu kata.

6.0 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan merealisasikan objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti struktur kolokasi Arab dalam *Kalilah Wa Dimnah*
2. Menganalisis masalah penterjemahan kolokasi Arab yang wujud dalam *Kalilah Wa Dimnah*.

7.0 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah diutarakan, kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah struktur kolokasi Arab dalam *Kalilah Wa Dimnah*?
2. Adakah terdapat masalah penterjemahan kolokasi Arab dalam *Kalilah Wa Dimnah*?

8.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui penerapan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual berlandaskan teori kolokasi yang dicadangkan oleh Ghazala (2004) dan masalah penterjemahan kolokasi oleh Baker (1992). Perbincangan dan perbahasan dalam kajian ini dibuat berdasarkan penelitian yang telah dijalankan terhadap data utama, iaitu struktur kolokasi Arab dalam karya klasik Arab *Kalilah Wa Dimnah* dan terjemahannya yang diterbitkan oleh Alasfiyaa Sdn. Bhd. Kajian ini menfokuskan perbincangan masalah terjemahan melalui struktur kolokasi Arab yang ditemukan dalam *Kalilah Wa Dimnah*. Bagi mencapai fokus ini, setiap terjemahan bagi struktur kolokasi Arab tersebut dianalisis.

9.0 Analisis dan Perbincangan

9.1 Struktur Kolokasi Arab dan Masalah Penterjemahan.

Sebanyak empat sampel struktur kolokasi dianalisis dan dibincangkan dalam kajian ini. Struktur kolokasi Arab tersebut dicadangkan oleh Ghazala (2004) dan masalah terjemahan kolokasi dihuraikan menggunakan pandangan Baker (1992). Berikut ialah struktur kolokasi Arab yang telah ditemukan dalam teks terjemahan *Kalilah Wa Dimnah*:

9.1.1 KN + KN (Frasa Idafat)

Kolokasi ini terdiri daripada kata nama yang berkombinasi dengan kata nama yang membentuk binaan frasa *al-idāfaʿ*. Kata di hadapan dinamai *muḍāf*. Manakala, kata di belakang disebut *muḍāf ilaih* dan ia terbahagi kepada dua jenis, iaitu *al-idāfaʿ al-lafziyyaʿ* dan *al-maknawiyyaʿ* (Syed Ali & Rihanah, 2011). Kolokasi frasa *al-idāfaʿ* boleh dilihat dengan pelbagai binaan kata dan bentuk makna (Ghazala H. , 2007) dalam teks. Pandangan Ghazala sejajar dengan Muhammad Luqman Ibnul Hakim, Muhammad Zaidi, Mohd Sollah dan Nabihah (2015), iaitu struktur frasa ini menyumbang kepada beberapa bentuk makna. Malah, pentafsiran secara langsung

tidak semestinya memberi makna yang dikehendaki kerana ia memerlukan pemerhatian yang terperinci terhadap unsur dan kedudukan konteks ayat. Ghazala (2004) menjelaskan bahawa kolokasi frasa *al-idāfaʿ* ini selalunya diterjemahkan sama ada mengikut keadaan bahasa sumber atau dengan satu perkataan sahaja. Berikut ialah contoh yang ditemukan dalam *Kalilah Wa Dimnah*:

Teks sumber : كالكحل الذي لا يؤخذ منه إلا غبار الميل
Ka alkuhli al-laziy lā yu'khazu minhu illa ghubār al-mīl
 (B1/A1/88)

Teks sasaran : Ibarat celak mata, sekalipun yang diambil hanya **secalit serbuk batu**.
 (B1/A1/89)

Berdasarkan contoh di atas, penterjemah menggunakan teknik literal (Arnida, Lubna, & Nurhasma, 2018) untuk menginterpretasikan maksud daripada teks sumber. Permasalahan terjemahan di atas ialah kolokasi yang melibatkan elemen budaya kerana hubungan antara *كحل celak mata* dengan *غبار الميل secalit serbuk batu* adalah gambaran bagi sejenis celak terbaik yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu *ithmid* (At-Tirmidzi, 2016). Dalam Kitab *Al-Syama'il Al-Muhammadiyah* oleh Imam Tirmidzi yang telah dialih daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu terdapat penjelasan bahawa celak jenis *ithmid* ini merupakan batu celak yang biasanya berbentuk serbuk. Ia berwarna hitam dan biru. Serbuk *ithmid* itulah yang digunakan oleh Baginda SAW untuk dioleskan pada bulu mata.

Pemakaian jenis celak ini adalah lebih dominan dikenali dalam budaya Arab. Oleh sebab itu, kesan gambaran yang dibawa oleh penterjemah boleh mendatangkan kejanggalan apabila melibatkan budaya sasaran lain khususnya masyarakat Melayu. Nida dan Taber (1974) pernah membahaskan isu '*the best translation does not sound like translation*', iaitu penterjemahan yang mengutamakan bentuk asal bahasa sumber tidak semestinya menghasilkan terjemahan yang baik. Hal ini berlaku demikian kerana kesan diterima oleh pembaca sasaran tidak akan sama dengan kesan diterima oleh pembaca sumber. Untuk cadangan, ungkapan terjemahan Arab dikekalkan hanya *secalit* sahaja.

9.1.2 KN + KA

Kolokasi ini terdiri daripada kata nama yang berkombinasi dengan kata adjektif. Mengikut penjelasan oleh Wright (1896 : 104) dalam *A Grammar of the Arabic Language* bahawa kata nama ini dikenali sebagai *الموصوف* atau *المنعوت*, iaitu a word which admits of being united with a descriptive epithet (adjective). Manakala, kata adjektif dalam bahasa Arab disebut sebagai *الوصف، الصفة* atau *النعت*, iaitu suatu kata nama yang terbentuk bagi menyempurnakan *المنعوت* sama ada untuk menerangkan sifat-sifatnya atau sifat yang berkaitan dengannya (Abd Latif, Omar, & Zahran, 2005) dan ia terbahagi kepada dua jenis, iaitu *na'at haqiqi* dan *na'at sababi* (Al-Rajih, 2012).

Ghazala (2004) menjelaskan bahawa kolokasi jenis ini diterjemahkan mengikut bahasa sumber. Berikut ialah contoh yang ditemukan dalam *Kalilah Wa Dimnah*:

Teks sumber : *ومن كان في عيشه ضيق*
wa man kāna fīy 'aisyihi ḍīq
 (B1/A3/92)

Teks sasaran : Tetapi orang yang selama **hidupnya asyik kesempitan**
 (B1/A3/93)

Berdasarkan contoh di atas, penterjemah cuba menggunakan padanan terjemahan yang bersesuaian, iaitu perkataan *عيش* diterjemahkan kepada *hidup* dan *ضيق* merujuk maksud *asyik kesempitan*. Namun begitu, terjemahan kolokasi di sini dianggap tidak sesuai pada padanan *asyik kesempitan*. Walaupun terjemahan *ضيق* di atas tepat menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) iaitu *kesempitan*, namun dalam konteks ayat bahasa Melayu apitan ke...an tidak sesuai diletakkan pada contoh ini. Kemunculan apitan ke...an yang diletakkan pada kata adjektif *sempit* di atas merupakan fenomena yang dipanggil *collocational clash* seperti yang disebut oleh Baker (1992). *Collocational clash* terjadi kerana penterjemah cuba mempertahankan bentuk kolokasi yang memang sesuai digunakan dalam bahasa sumber sebaliknya tidak dalam bahasa sasaran (Saifullah, 2013). Oleh itu, cadangan terjemahan Arab yang sesuai untuk contoh di atas ialah *hidupnya sempit*.

9.1.3 KK + KSN (*jar*) + KN

Kolokasi ini terdiri daripada kata kerja yang berkombinasi dengan kata sendi atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *Phrasal Verbs*. Dalam bahasa Arab, kombinasi ini merupakan sumber utama ungkapan idiomatik. Kewujudan kata sendi selepas kata kerja atau kata nama boleh menimbulkan kesan yang cukup besar. Hal ini disebabkan kombinasi tersebut mendatangkan perubahan makna bahkan boleh menyebabkan makna yang berlawanan (Saifullah, 2013). Contoh yang paling jelas dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006) kalimah *ل دعا* (*mengharapkan kebaikan*)

manakala, *دعا على* (*mengharapkan keburukan*) ialah perbezaan yang dapat dilihat apabila kedua-duanya menggunakan kata sendi yang berlainan. Ghazala (2004) menjelaskan bahawa kolokasi ini lazimnya diterjemahkan dengan terjemahan langsung atau bebas tanpa mengabaikan makna kolokasi bahasa sumber. Berikut ialah contoh yang ditemukan dalam *Kalilah Wa Dimnah*:

Teks sumber : *اجتهد في التّوقي من الأمور...*
Ijtahada fīy al-tawaqqiy min al-umūr...
 (B1/A1/88)

Teks sasaran : **Berusaha bagaimana sekalipun untuk mengelak**, tiada gunanya.

(B1/A1/89)

Berdasarkan contoh di atas, kata kerja اجتهد berkolokasi dengan kata sendi في. Walau bagaimanapun, kata kerja اجتهد juga boleh hadir tanpa berkolokasi dengan mana-mana kata sendi seperti mana dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD), perkataan اجتهد merujuk maksud “berusaha sekuat tenaga; sedaya upaya”. Penterjemah cuba untuk menggunakan padanan yang bersesuaian dalam terjemahan bagi perkataan اجتهد kepada “berusaha bagaimana sekalipun”. Namun, permasalahan terjemahan di atas ialah penterjemah menggunakan terjemahan yang tidak tepat dari segi binaan frasa, iaitu penggunaan “bagaimana”. Dalam tatabahasa Melayu, kata “bagaimana” berfungsi sebagai kata tanya dan digunakan untuk membentuk ayat-ayat tanya. Oleh itu, terjemahan yang sesuai untuk contoh di atas adalah “berusaha sekuat tenaga”.

9.1.4 KN + KK

Kolokasi ini terdiri daripada kata nama yang berkombinasi dengan kata kerja. Jenis kata nama dalam kolokasi ini dikenali sebagai kata nama tidak pasti atau dalam bahasa Inggeris disebut “*indefinite substantive*” manakala dalam bahasa Arab ialah اسم نكرة. Ghazala (2004) menjelaskan bahawa kolokasi jenis ini diterjemahkan sama ada dengan bentuk yang boleh diterima atau hampir kepada makna bahasa sumber. Berikut ialah contoh yang ditemukan dalam *Kalilah Wa Dimnah*:

Teks sumber : وأدب يحمل إلى من لا يتأدب به

Wa adabin yuhmal ila man la yataaddabu bih
(B1/A17/144)

Teks sasaran : ...**menasihati** orang yang tidak sudi menerima....
(B1/A17/145)

Berdasarkan contoh di atas, frasa أدب يحمل diterjemahkan sebagai “*menasihati*” sedangkan dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) perkataan أدب tersebut merujuk maksud “*akhlak yang mulia*” manakala يحمل di sini merupakan bentuk kata kerja pasif Arab yang merujuk maksud “*mengajak atau menggalakkan seseorang berbuat sesuatu*”. Masalah penterjemahan di atas tidak tepat kerana kolokasi yang diterjemahkan lari daripada makna asal dalam bahasa sumber. Hal ini menyebabkan terjemahan menjadi tidak tepat dan tidak sejadi. Oleh itu, cadangan terjemahan Arab yang sesuai untuk contoh di atas ialah “*berakhlak mulia*”.

Berikut ialah jadual bagi huraian terjemahan struktur kolokasi Arab dan masalah yang berlaku dalam penterjemahan teks karya klasik *Kalilah Wa Dimnah*.

No	Teks Sumber	Teks Sasaran	Masalah Penterjemahan Kolokasi (Baker, 1992)	Cadangan Terjemahan
1	كالكحل الذي لا يؤخذ منه إلا غبار الميل	Ibarat celak mata, sekalipun yang diambil hanya secalit serbuk batu .	Kolokasi khusus budaya (<i>Culture-specific collocation</i>)	secalit
	KN + KN (B1/A1/88)	(B1/A1/89)		
2	ومن كان في عيشه ضيق	Tetapi orang yang selama hidupnya asyik kesempitan	Penyerapan terhadap bentuk bahasa sumber (<i>The engrossing effect of source pattern</i>)	Hidupnya sempit
	KN + KA (B1/A3/92)	(B1/A3/93)		
3	اجتهد في التوقي من الأمور...	Berusaha bagaimana sekalipun untuk mengelak , tiada gunanya.	Ketegangan antara ketepatan dengan kesejadian (<i>The tension accuracy and naturalness</i>)	Berusaha sekuat tenaga untuk mengelak
	KK + KSN (jar) + KN (B1/A1/88)	(B1/A1/89)		
4	وأدب يحمل إلى من لا يتأدب به	... menasihati orang yang tidak sudi menerima....	Ketegangan antara ketepatan dengan kesejadian (<i>The tension between accuracy and naturalness</i>)	Berakhlak mulia

Jadual 7.1: Terjemahan Struktur Kolokasi Arab dan Masalah Penterjemahan dalam *Kalilah Wa Dimnah*.

10.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, analisis dan perbincangan sampel kajian ini jelas menunjukkan bahawa fenomena masalah penterjemahan kolokasi adalah wujud dalam dua bahasa yang berbeza, Arab-Melayu khususnya dalam teks sastera *Kalilah Wa Dimnah*. Walaupun penterjemah telah sehabis daya menggunakan strategi terjemahan yang sesuai, namun masih lagi terdapat beberapa kesalahan khususnya dalam terjemahan kata leksikal yang berkombinasi. Seharusnya, setiap penterjemah perlu peka dengan setiap perkataan yang ingin diterjemahkan supaya mesej daripada bahasa sumber berjaya disampaikan dengan baik. Kelemahan penterjemah dalam menguasai identifikasi kolokasi harus dibendung dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Analisis yang telah dijalankan dalam teks *Kalilah Wa Dimnah* mendapati kewujudan struktur kolokasi Arab yang ditemukan dalam bab pertama yang mewakili 17 kategori yang dikaji. Pengkaji memanfaatkan penemuan struktur kolokasi Arab dalam teks *Kalilah Wa Dimnah* berdasarkan struktur kolokasi yang dicadangkan oleh Ghazala (2004), iaitu menfokuskan pada sudut pandang tatabahasa sahaja. Di samping itu, struktur kolokasi yang ditemukan dalam kajian ini didapati sesuai digunakan bagi mencapai objektif kajian yang dikemukakan. Malah, melalui kolokasi Arab tersebut, pengkaji mendapati penterjemah lebih kerap berhadapan dengan masalah ketegangan antara ketepatan dengan kesejadian dalam menterjemahkan kolokasi Arab untuk teks ini.

Rujukan

- Abd Latif, M., Omar, A., & Zahran, M. A.-n. (2005). *Al-nahw Al-asasi*. Al-Kaherah: Dar Al-fikr.
- Abdullah, H., & Aionon, M. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan* (5 ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd & ITNMB.
- Al-Rajihi, A. A. (2012). *Al-tatbiq Al-nahw*. Oman: Dar Al-Musirah.
- Al-Sughair, Y. (2007). *The Translation of Lexical Collocations In Literary Texts*. Sharjah: UAE (Master Thesis).
- Alwazna, R. Y. (2018). Issues on the Translation of the certain English Collocations into Arabic: From Collocations to free Constructions in the Target Language. *English Linguistics Research*, 7(3), 51-60.
- Arnida, A. B., Lubna, A. R., & Nurhasma, M. S. (2018). Strategi Penterjemahan Teks Sastera Kalilah Dan Dimnah Arab-Melayu. *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa 2018* (pp. 275-283). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- At-Tirmidzi, I. (2016). *Al-Syama'il Al-Muhammadiyah : Keanggunanmu Ya Rasulullah*. Selangor: PTS Media Group .
- Baker, M. (2011). *In Other Words : A Coursebook on Translation*. London & New York: Routledge.

- Banson, M., Banson, E., & Ilson, R. (1990). *The BBI Combinatory Dictionary of English*. Amsterdam-Philadelphia: John Benjamins Publishing.
- Ean, B. P., & Seong, G. S. (2013). Kehilangan Makna dalam Penterjemahan Chengyu ke dalam Bahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 31(1), 79-96.
- Firth, J. R. (1957). *Papers In Linguistics 1934-1951*. London: Oxford University Press.
- Ghazala, H. (2004). *Essay in Translation and Stylistics*. Beirut: Dar El-Ilm li al-Malayin.
- Ghazala, H. (2007). *Dar El-ilm Dictionary of Collocation*. Beirut-Lubnan: Darul Ilmi Malayin.
- Hanks, P. (Ed.). (1979). *Collins Dictionary of the English Language*. London & Glasgow: Harper Collins.
- Ibrahim, O. A., & Ibrahim, M. (2018). Translating Collocation Between Arabic and English: An Analytical Study Of The Translation of Arabic Novel "Men In The Sun". *Global Journal Al-Thaqafah*, 121-135.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kusumawardhani, P., & Puspitorini, F. (2016). Problem in Translating Collocation in President Barack Obama Speech "Muslim World": New Beginning at Cairo, Egypt . *Researchgate*.
- Larson, M. (1998). *Meaning-Based Translation : A Guide To Cross-Language Equivalent*. New York: University Press of America.
- Minsung, C. (2016). *Penterjemahan Unsur Budaya Dalam Antologi Cerpen Bahasa Korea-Bahasa Melayu Perjalanan Ke Samp'o*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Hafiz, B. (2012). *Terjemahan Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu Dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah s.a.w*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M. S., Muhammad Zaidi, Z., Mohd Sollah, M., & Nabihah, Y. (2015). Struktur dan Konteks Kolokasi Frasa Al-Idafatt Dalam Al-quran: Satu Pemerhatian Semantik. *Journal of Education and Social Sciences*, 137-149.
- Nida, E., & Charles, R. (1974). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J.Brill.
- Noraziah, A. A. (2014). *Analisis Leksikal Budaya Dalam Rimba Harapan Dan Terjemahannya La Jungle De L'esperoir*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Puriyadi. (2010). Nilai Etika Dalam Kalilah Wa Dimnah Karya Ibn al-Muqaffa'. *Ilmu Ushuluddin*, 9(1), 1-23.

- Qassem, N. A. (2014). *Idiomatic Equivalence Between English and Arabic*. Yemen: University of Aden (Master Thesis).
- Saifullah, K. (2013). Masalah Penerjemahan Kolokasi dalam Tafsir Fi Zilal al-Quran. *Jurnal TSAQFAH*, 171-202.
- Siti Hadijah, M. (2017). *Mukadimah Penterjemah dalam Kalilah & Dimnah: Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa*. Kedah Darul Aman: Alasfiyaa Sdn. Bhd.
- Syed Ali, M., & Rihanah, M. (2011). *Musykilat al-Idafat ila al-jumlat wa iqtirah li hilliha*. Damshiq: Majjallat Jamiat.
- Wright, W. (1896). *A Grammar of the Arabic Language* (Vol. 1). Cambridge: University Press.